

Data Annotation Architecture for Automatic Depression Detection

Senibina Anotasi Data untuk Mengesan Kemurungan Secara Automatik

Yun Yao Chang, Nazlia Omar

*Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor, Malaysia*

**Corresponding author: p104370@siswa.ukm.edu.my*

Received 1 October 2022

Accepted 17 January 2023, Available online 1 June 2023

ABSTRACT

Depression is a mood disorder that causes a person to feel sad, tired and experience a prolonged lack of energy, irritability, and loss of interest in daily activities. Many scholars have contributed in identifying and curbing depression. One of such efforts is the development of a model that can identify and predict depression among Twitter users. However, so far, there is no quality and labeled dataset containing depression from tweet sources. Therefore, the purpose of this study is to propose an architecture that can collect data on social media such as Twitter to detect depression automatically. This study involves text analysis that begins with data scraping, text processing, feature extraction, modeling, evaluation and followed by document corpus analysis using TF-IDF and BOW. The sentiment lexicon derived from two tools, TextBlob and Vader, was used to distinguish the emotions of words. Four machine learning classifiers i.e., Logistic Regression, Decision Tree, Support Vector Machine and K-Nearest Neighbour were used to perform the classification. The final data set management and the use of Logistic Regression produced the expected high accuracy, precision, recall and F1-Score results in predicting depression. For the application, data for Malaysia local COVID-19 tweets was scraped using TWINT. Appropriate hashtags and keywords were used to obtain tweet sentences. The results show that the proposed architecture outperforms the baseline by achieving 92.876% F1-Score through SVM+TFIDF compared to the F-Score obtained by the baseline. This shows that the proposed data annotation architecture has good performance in detecting depression.

Keywords: COVID-19, data annotation, depression, Machine Learning, TWINT

ABSTRAK

Kemurungan adalah gangguan perasaan yang menyebabkan seseorang merasa sedih, keletihan dan kekurangan tenaga yang berpanjangan, mudah marah, dan kehilangan minat dalam aktiviti harian. Banyak kajian lepas telah menyumbang dalam mengenalpasti dan membendung kemurungan. Antara usaha ini ialah pembangunan sebuah model yang dapat mengenalpasti

dan meramal kemurungan di kalangan pengguna Twitter. Namun begitu, setakat ini tiada set data berkualiti dan berlabel yang mengandungi data berkaitan kemurungan dari sumber Twit. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengusulkan satu seni bina yang dapat mengumpul data di media sosial seperti Twitter bagi mengesan kemurungan secara automatik. Kajian ini melibatkan analisis teks yang bermula dengan pengikisan data, pemprosesan teks, pengekstrakan ciri, pemodelan, penilaian dan diikuti analisis korpus dokumen menggunakan TF-IDF dan BOW. Leksikon sentimen yang berasal dari dua alatan, TextBlob dan Vader, digunakan untuk membezakan emosi kata-kata, serta empat teknik pembelajaran mesin iaitu Regresi Logistik (LR), Pepohon Keputusan (DT), Mesin Vektor Sokongan (SVM) dan K-Jiran Terdekat (KNN) yang digunakan untuk melakukan pengelasan. Pengurusan set data akhir dan penggunaan Regresi Logistik menghasilkan keputusan ketepatan dan Skor-F1 tertinggi yang diharapkan dalam meramal kemurungan. Untuk bahagian aplikasi, data dari twit lokal iaitu Malaysia COVID-19 telah dikikis dengan menggunakan TWINT. Tanda pagar dan kata kunci yang sesuai digunakan untuk mendapatkan ayat Twit Keputusan menunjukkan bahawa seni bina yang dicadangkan mengatasi garis dasar dengan mencapai 92.876% Skor-F1 melalui SVM+TFIDF berbanding Skor-F1 yang diperolehi oleh garis dasar. Ini menunjukkan bahawa seni bina anotasi data yang dicadangkan telah menghasilkan prestasi yang baik dalam mengesan kemurungan.

Kata kunci: COVID-19, Anotasi Data, Kemurungan, Pembelajaran Mesin, TWINT

PENGENALAN

Kesihatan mental merujuk kepada kesejahteraan emosi, psikologi, dan sosial kita. Ia mempengaruhi cara kita berfikir, merasa, dan bertindak. Pertubuhan Kesihatan Sedunia mula memberi tumpuan kepada kesihatan mental sejak tahun 2001. Ini menunjukkan bahawa kesihatan mental sangat penting untuk kesejahteraan keseluruhan individu, masyarakat, dan negara (Organization 1991). Statistik kemurungan di Malaysia telah meningkat sebanyak 29.2% bagi rakyat negara ini yang berusia 16 tahun ke atas berbanding 11.2% yang dicatat pada tahun 2006 (Aris, 2017). Kajian Rosli Hamid (2020) mendapati bahawa pelajar tingkatan empat mengalami kemurungan, kebimbangan dan tekanan pada tahap sederhana. Dengan itu, masyarakat perlu mengambil berat sebelum keadaan mereka menjadi teruk. Selain itu, laporan KKM 2022 menunjukkan sejumlah 631 kes bunuh diri telah berlaku pada tahun 2020, manakala trend tahun 2021 menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 81% (1,142) (K. Malaysia 2022). Namun begitu, kekurangan ahli psikiatri profesional juga merupakan salah satu masalah di negara ini. Malaysia memerlukan seramai 3,000 ahli psikiatri, namun negara ini hanya mempunyai 410 ahli psikiatri berdaftar sehingga Julai 2018 (Bernama, 2021). Secara global, hampir 90% individu yang membunuh diri mempunyai masalah mental pada saat sebelum kematian dan 60% daripada mereka mengalami kemurungan (Wan Mohd Rushidi 2018). Abd Malek et al. (2020) menyatakan bahawa individu yang mengalami kemurungan lebih cenderung untuk membunuh diri. Menurut Shaffer et al. (1996), seseorang yang berkecenderungan membunuh diri menderita daripada sekurang-kurangnya satu penyakit, lazimnya kemurungan. Semasa wabak COVID-19, kerajaan Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke atas rakyat bermula 18 Mac 2020, sekaligus mengubah corak dan norma kehidupan orang ramai, yang membawa kepada situasi kemurungan yang semakin ketara (Abdul Aziz, 2020). Oleh itu, penyelidikan bagi mengesan kemurungan peringkat awal perlu dijalankan bagi mengelak salah laku yang tidak diingini. Atas motivasi ini, kajian ini menggunakan pengesanan kemurungan sebagai tujuan penyelidikan utama.

Srividya et al. (2018), Giannakakis et al. (2017) dan Gkotsis et al. (2017) menjalankan penyelidikan mengenai kesihatan mental melalui pembelajaran mesin. Namun begitu, tidak ada satu set data garis asas yang boleh digunakan untuk meramal kemurungan. Martinez (2019) menyatakan bahawa tidak ada set data yang berkualiti untuk melabel perkataan yang mengandungi Twit kemurungan. Walaupun beberapa penyelidik berjaya membangunkan set data yang baik, ianya tidak dikongsi atas dasar 'privasi'. Sekiranya kita hanya mengguna dan mempertimbangkan set data Sentiment140 atau SemEval, emosi sedih tersebut tidak dapat mewakili kemurungan sepenuhnya. Dengan itu, dalam proses latihan pembelajaran mesin, pembersihan set data adalah penting untuk dilakukan. Sekiranya set data yang dimodelkan tidak baik, ia akan menghasilkan dapatan yang juga kurang baik. Oleh itu, untuk mendapatkan hasil ramalan yang baik, data latihan yang mewakili kemurungan sepenuhnya adalah sangat penting.

Di samping itu, walaupun terdapat banyak kajian yang dijalankan menggunakan pembelajaran mesin ke atas kemurungan (Shatte et al. 2019), masih tiada kajian yang lengkap terutamanya dari segi seni bina untuk dijadikan sebagai rujukan atau garis panduan bagi memproses data kemurungan secara automatik. Untuk proses pembinaan set data secara manual, pertama sekali, kita harus menilai emosi ayat demi ayat, untuk mengenalpasti sama ada terdapat situasi kemurungan daripada teks yang dihasilkan oleh seseorang. Contohnya, sekiranya terdapat 100 perkataan, maka 100 penilaian diperlukan. Apabila bilangan perkataan bertambah, ia mengambil masa yang lebih lama. Selain itu, ketiadaan standard yang tetap juga menjadi salah satu isu dalam proses penganotasian secara manual. Individu berbeza mungkin mempunyai cara yang berbeza untuk menilai sama ada ayat itu mengandungi elemen kemurungan. Oleh itu, pakar diperlukan untuk pengesanan data. Walau bagaimanapun, seperti yang disebut dalam bahagian pengenalan, Malaysia tidak mempunyai ramai pakar seperti ini. Proses anotasi data secara manual ini mungkin boleh mengakibatkan kehilangan erti pertimbangan segera kerana data perlu dinilai satu persatu. Oleh itu, jika ada pengesanan model kemurungan secara automatik, ia akan membantu meningkatkan kecekapan mengesan.

Bagi sesetengah sarjana dalam domain lain, kebanyakan kajian menjalankan tinjauan melalui soal selidik. Oleh itu, sekiranya terdapat seni bina yang boleh digunakan dalam pelbagai domain berkaitan pengekstrakan data untuk kemurungan, ia akan digunakan bagi menambah baik penyelidikan mengenai kemurungan dalam bidang yang dikaji. Contohnya, kajian tentang keadaan psikologi masyarakat semasa COVID-19 boleh diperolehi melalui seni bina yang dicadangkan supaya data penyelidikan yang diperolehi lebih relevan.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengusulkan satu seni bina yang boleh menghasilkan set data berlabel kemurungan secara automatik. Aliran kerja seni bina ini mesti jelas dan boleh dipercayai agar sesuai untuk para sarjana termasuk mereka dari bidang lain untuk melakukannya. Selain itu, hasilnya mesti dapat dikendalikan dan disahkan agar dapat digunakan untuk pengembangan penelitian berkaitan dengan kemurungan, dan hasilnya dapat digunakan bagi meramal perkataan lain. Objektif kajian ini adalah untuk mencadangkan satu aliran kerja seni bina untuk menganotasi set data latihan kemurungan secara automatik.

KAJIAN BERKAITAN

Pengesanan kemurungan

Menurut buku panduan kesihatan mental (Mental Health Handbook 2019), penyelidik mempunyai pemahaman ringkas mengenai gangguan mental biasa termasuk kemurungan, kegelisahan, gangguan bipolar, dan skizofrenia. Kemurungan adalah antara gangguan mental

yang boleh dirawat. Antara 80% dan 90% individu yang mengalami kemurungan sembuh dengan baik setelah menerima rawatan (American Psychiatric Association 2021).

Prapemprosesan

A. Perkataan Biasa Kemurungan (#Tandapagar).

Tanda pagar adalah tag metadata yang diawali oleh simbol #pagar diikuti oleh rentetan aksara alfanumerik, tanpa ruang kosong atau tanda baca (Burgess 2020). Simbol tanda pagar wujud sekitar abad ke-14 (Andersen 2018). Simbol ini kini menjadi ungkapan penting dalam budaya popular, dan umumnya dikaitkan dengan pelbagai dimensi aktiviti di persekitaran media sosial (Berg 2014).

Dalam kajian ini, kata-kata umum kemurungan digunakan di bahagian pengambilan data. Ramos et al. (2016) menemui kaedah insan menyatakan ‘kesedihan’. Kata kuncinya termasuk sedih (sad), kesepian (lonely), dan tidak senang (unhappy), yang mana digunakan dalam pengambilan data seterusnya. Di samping itu, individu yang mengalami kemurungan biasanya menggunakan “saya” (I) lebih daripada “kami” (We).

CAPAIAN DATA

Sumber data kajian ini kebanyakannya diperoleh daripada TWINT dan SemEval. Untuk percubaan ini, hasil yang ditangkap oleh TWINT ditapis sebagai 1 (Positif), manakala ayat dalam SemEval ditapis sebagai 0 (Negatif). Bahagian ini akan diterangkan lebih lanjut dalam bahagian Metodologi.

A. TWINT

TWINT ialah alat pengikis Twitter lanjutan yang ditulis dalam Python yang membolehkan Twit dikikis daripada profil Twitter tanpa menggunakan Twitter API (Haccer 2019). Memandangkan audit untuk menggunakan Twitter API semakin sukar, TWINT menjadi alatan yang lebih senang digunakan untuk mendapatkan maklumat. TWINT boleh digunakan tanpa nama dan tanpa memerlukan pendaftaran, dan persediaan awal boleh diselesaikan dengan lebih cepat (“TWINT: A Twitter information scraping tool” 2019). Di samping itu, cara untuk mendapatkan Set Data Kemurungan melalui TWINT akan dicadangkan dalam kajian ini.

B. SemEval-2019

SemEval ialah satu siri bengkel penyelidikan pemprosesan bahasa tabii antarabangsa. Misinya adalah untuk memajukan analisis semantik terkini dan membantu dalam penciptaan anotasi set data berkualiti tinggi (“SemEval - International Workshop on Semantic Evaluation” n.d.). Acara ini diadakan setahun sekali, di mana SemEval-2018 berlangsung pada tahun 2018. Kajian ini menggunakan data tahun 2018 kerana data yang diekstrak dalam TWINT juga adalah dari tahun 2018.


KAJIAN LEPAS

Penyelidikan berkaitan anotasi data telah menarik minat yang amat tinggi dari kalangan penyelidik dalam bidang pengesanan kemurungan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Martinez (2019), kaedah set data latihan disediakan dengan menggunakan TWINT untuk mengikis Tweet kemurungan, diikuti pengambilan sampel 8,000 tweet dengan polariti 4 yang positif, dan menggabungkan kedua-dua set data (TWINT dan SemEval). Dalam kajian tersebut,

data rujukan yang digunakan sebagai ‘twit bukan kemurungan’ ialah Sentimen140. Sentimen140 ialah set data yang mengandungi 1,600,000 Twit yang diekstrak dengan menggunakan API Twitter. Twit tersebut telah diberi anotasi 0 = negatif, 2 = neutral, and 4 = positif yang boleh digunakan untuk mengesan sentimen (Kazanova n.d.). Selain itu, beberapa kajian lain seperti Rajaraman et al. (2020) dan Bhargava (2021) menggunakan data Sentimen140. Namun begitu, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada laman web rasmi semasa, Kazanova menyatakan bahawa Sentimen140 (ver2) paling akhir dikemaskini 4 tahun yang lalu. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa keseluruhan Twit yang ada mungkin tidak selaras dengan penggunaan perkataan terkini.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini merangkumi lima fasa. Fasa pertama ialah penyediaan data. Bahagian ini ditakrifkan sebagai pengikis data dengan menggunakan SemEval dan data yang diambil dari TWINT. Fasa kedua melibatkan tugas pra-pemprosesan seperti penapisan, tokenisasi, pembuangan kata henti dan sebagainya. Fasa ketiga bertujuan mewakili istilah dalam perwakilan ruang vektor dengan menggunakan TF-IDF dan BoW. Dua alat pengekstrakan ciri iaitu TextBlob dan Vader digunakan dalam fasa ini. Fasa keempat melibatkan klasifikasi oleh empat pengelas iaitu LR, DT, SVM dan KNN. Fasa kelima ialah bahagian untuk penilaian. Fasa ini menyemak sama ada idea yang dicadangkan ditambah baik berbanding dengan penyelidikan semasa. Bahagian ini menggunakan kaedah penilaian yang paling lazim iaitu Keperisian, Kepekaan, Skor-F1, dan Kejituan. Rajah 1 menunjukkan 5 tahap aliran eksperimen ini.



RAJAH 1. Aliran eksperimen

Rajah 2 dan Rajah 3 memperkenalkan cadangan seni bina kajian. Eksperimen terbahagi kepada dua iaitu Eksperimen 1 (Cadangan Senibina) dan Eksperimen 2 (Senibina Garis Dasar). Eksperimen 1 adalah hasil pemprosesan mengikut rangka kerja yang dicadangkan. Eksperimen 2 menggunakan twit asal (tidak diproses) yang dijadikan sebagai penanda aras.

Rajah 2 menunjukkan seni bina Eksperimen 1 serta aliran eksperimen. Keseluruhan seni bina boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Twint terutamanya digunakan untuk mendapat twit kemurungan yang berpotensi melalui hashtag tertentu. Selepas itu, Topeng Penapisan digunakan untuk menapis ayat yang tidak diinginkan. Pemprosesan data kemudian dijalankan bagi memenuhi syarat pembelajaran mesin. Bahagian ini mempertimbangkan dua alat sentimen

iaitu Vader dan TextBlob dalam proses pelabelan data. Daripada analisis sentimen, kita dapat melabelkan teks sebagai kemurungan atau bukan kemurungan. Selain data yang diekstrak daripada Twitter, kajian ini juga memperoleh beberapa ayat Twitter daripada SemEval, selain melakukan pelabelan data. Data SemEval mempunyai 4 tag (Kesedihan, Kemarahan, Ketakutan, Kegembiraan), manakala perkataan selepas TextBlob dan Vader dibahagikan kepada 3 sentimen (Positif, Neutral, Negatif). Justeru, terdapat $4 \times 3 = 12$ kombinasi sentimen. Jadual 1 menunjukkan contoh perkataan dalam keadaan sentimen yang berbeza. Menerusi pemerhatian, didapati ayat Kesedihan+Negatif pada dasarnya paling sesuai dengan sentimen ayat Kemurungan. Contohnya, *'this year keeps getting more depressing and disappointing'* (tahun ini semakin menyedihkan dan mengecewakan). Perkataan Kemarahan+Positif, Kemarahan+Neutral, Ketakutan+Positif, Ketakutan+Neutral, Kegembiraan+Positif, Kegembiraan+Neutral jelas lebih positif atau neutral. Oleh itu, perkataan tersebut digunakan sebagai label=0 (perkataan bukan kemurungan). Contohnya, *'Woke up to my neighbors singing Perfect by Ed Sheeran. My mood has been set'* (Terjaga dari tidur setelah terdengar jiran saya menyanyikan lagu Perfect oleh Ed Sheeran. Mood saya telah ditetapkan). *'Everyone wants to win, but swear they never lost at anything. Victory is only sweet when you taste the bitterness of defeat'* (Semua orang mahu menang, tetapi bersumpah mereka tidak pernah kalah dalam apa-apa. Kemenangan hanya manis apabila anda merasai kepahitan kekalahan). *'Whats for breakfast today? I had 2 slices of bread, I toasted them and spread them with butter; strawberry jam. Delicious!'* (Sarapan apa hari ini? Saya bersarapan 2 keping roti yang dibakar dan disapu jem strawberi. Sedap!). Selain itu, ayat gabungan lain agak samar, justeru tidak digunakan untuk penilaian. Ramos et al. (2016) menemui kaedah insan menyatakan 'sedih'. Kata kuncinya termasuk sedih (sad), kesepian (lonely), dan tidak senang (unhappy). Daripada Jadual 1, didapati ayat-ayat yang diperolehi oleh Kesedihan+Negatif mempunyai perkataan 'lost' (hilang arah), 'sad' (kesedihan), 'depressed' (kemurungan), dan 'disappointing' (mengecewakan). Kesemua perkataan ini adalah negative.

JADUAL 1. Contoh perkataan dalam keadaan kombinasi sentimen yang berbeza

Sentimen	Contoh perkataan												
1. Kesedihan	a. Positif												
	<table border="1"> <tbody> <tr> <td>An early night for me love you</td> <td>sadness</td> <td>POSITIVE</td> </tr> <tr> <td>"Let us not become weary in doing good, for at the proper time we will reap a harvest if we do not give up." Galatians 6:9 NIV</td> <td>sadness</td> <td>POSITIVE</td> </tr> <tr> <td>@khizthigh Lol idk really :S khair good luck</td> <td>sadness</td> <td>POSITIVE</td> </tr> <tr> <td>@SonaFanArt Isnt it too early? Thats really interesting 🤔 i wonder what are they filming in kusadasi. It makes me so excited :)</td> <td>sadness</td> <td>POSITIVE</td> </tr> </tbody> </table>	An early night for me love you	sadness	POSITIVE	"Let us not become weary in doing good, for at the proper time we will reap a harvest if we do not give up." Galatians 6:9 NIV	sadness	POSITIVE	@khizthigh Lol idk really :S khair good luck	sadness	POSITIVE	@SonaFanArt Isnt it too early? Thats really interesting 🤔 i wonder what are they filming in kusadasi. It makes me so excited :)	sadness	POSITIVE
An early night for me love you	sadness	POSITIVE											
"Let us not become weary in doing good, for at the proper time we will reap a harvest if we do not give up." Galatians 6:9 NIV	sadness	POSITIVE											
@khizthigh Lol idk really :S khair good luck	sadness	POSITIVE											
@SonaFanArt Isnt it too early? Thats really interesting 🤔 i wonder what are they filming in kusadasi. It makes me so excited :)	sadness	POSITIVE											
	b. Neutral												
	<table border="1"> <tbody> <tr> <td>I graduated yesterday and already had 8 family members asking what job I've got now 🤔 #nightmare</td> <td>sadness</td> <td>NEUTRAL</td> </tr> <tr> <td>@DOBrienAJC What did you do to rile up all the Roberts?</td> <td>sadness</td> <td>NEUTRAL</td> </tr> <tr> <td>#sadness #cry 🤔 dad will never understand his 3rd child</td> <td>sadness</td> <td>NEUTRAL</td> </tr> <tr> <td>@lvankaTrump What's up w the profile pic??</td> <td>sadness</td> <td>NEUTRAL</td> </tr> </tbody> </table>	I graduated yesterday and already had 8 family members asking what job I've got now 🤔 #nightmare	sadness	NEUTRAL	@DOBrienAJC What did you do to rile up all the Roberts?	sadness	NEUTRAL	#sadness #cry 🤔 dad will never understand his 3rd child	sadness	NEUTRAL	@lvankaTrump What's up w the profile pic??	sadness	NEUTRAL
I graduated yesterday and already had 8 family members asking what job I've got now 🤔 #nightmare	sadness	NEUTRAL											
@DOBrienAJC What did you do to rile up all the Roberts?	sadness	NEUTRAL											
#sadness #cry 🤔 dad will never understand his 3rd child	sadness	NEUTRAL											
@lvankaTrump What's up w the profile pic??	sadness	NEUTRAL											
	c. Negatif												
	<table border="1"> <tbody> <tr> <td>With you, I'm lost in the moment. Without you I'm lost in the world. 🤔🤔 #world #moment #lostinthemoment #You</td> <td>sadness</td> <td>NEGATIVE</td> </tr> <tr> <td>ha 🤔 ha 🤔 i just realised that i've never actually been to therapy and i still don't know if i'm depressed or just sad all the time</td> <td>sadness</td> <td>NEGATIVE</td> </tr> <tr> <td>this year keeps getting more depressing and disappointing</td> <td>sadness</td> <td>NEGATIVE</td> </tr> <tr> <td>And all the bullshit in your live ends and nothing will bother you ever again #depression</td> <td>sadness</td> <td>NEGATIVE</td> </tr> </tbody> </table>	With you, I'm lost in the moment. Without you I'm lost in the world. 🤔🤔 #world #moment #lostinthemoment #You	sadness	NEGATIVE	ha 🤔 ha 🤔 i just realised that i've never actually been to therapy and i still don't know if i'm depressed or just sad all the time	sadness	NEGATIVE	this year keeps getting more depressing and disappointing	sadness	NEGATIVE	And all the bullshit in your live ends and nothing will bother you ever again #depression	sadness	NEGATIVE
With you, I'm lost in the moment. Without you I'm lost in the world. 🤔🤔 #world #moment #lostinthemoment #You	sadness	NEGATIVE											
ha 🤔 ha 🤔 i just realised that i've never actually been to therapy and i still don't know if i'm depressed or just sad all the time	sadness	NEGATIVE											
this year keeps getting more depressing and disappointing	sadness	NEGATIVE											
And all the bullshit in your live ends and nothing will bother you ever again #depression	sadness	NEGATIVE											

2. Kemarahan a. Positif

Happy right now I just beaten the second game of crash bandicoot one more to go now didn't get that mad 🤔 at the game lol 🤔	anger	POSITIVE
Everyone want to win,but swear they never lost at anything. Victory is only sweet when you taste the bitterness of defeat.	anger	POSITIVE
im back lol #revenge	anger	POSITIVE
I follow this famous chick on snap and she put 'I'm snapping back' & next snap says 'dudes stop sending your peepes, it's not cute.' 🤔🤔🤔	anger	POSITIVE

b. Neutral

Were starting an @insecurehbo club at my job. Every Monday we must be caught up on required watching. @opjumpstartlb @IssaRae	anger	NEUTRAL
Shakespeare Dictionary: The word 'knotty-pated' means 'block-headed, dull-witted'	anger	NEUTRAL
Coming up on snap chat so add me asap MATEO_BKNY #snapchat	anger	NEUTRAL
I want a friendship group like in Friends 🤔	anger	NEUTRAL

c. Negatif

Humble yourself in the sight of the LORD. If we have died in Christ, then how can we be offended? A dead person cannot feel anything, right?	anger	NEGATIVE
Love implies anger. The man who is angered by nothing cares about nothing. ~Edward Abbey #love	anger	NEGATIVE
Having fun today at Mad museum Stratford upon Avon	anger	NEGATIVE
@Lovelsland That rap reminds me of when the kids were small and they would prepare a performance #cute #crap 🤔	anger	NEGATIVE

3. Ketakutan a. Positif

Absolutely blown away by @BatTheMusical this evening 🤔 Such incredible sets, slick choreography and holy moly what insaaane vocals! #awe	fear	POSITIVE
Every time I fart my dog jumps in fear hahahaha yass	fear	POSITIVE
and CLEARLY all this #breathless coverage isn't covering the REAL #Collusion story - #DNC & #UkraineCollusion !!	fear	POSITIVE
@exceptions Although I have a nice vulva, I choose not to intimidate other women with it.	fear	POSITIVE

b. Neutral

One week on SW and going to gym. Smashed it #weekone #goals #sw	fear	NEUTRAL
#start my YouTube channel techno ayan please follow friends	fear	NEUTRAL
Going over the #script for this weekend! Can't wait to start #filming! #actorslife #ActressLife #actress #horrorfilm #HorrorMovies	fear	NEUTRAL
u can get an oreo shake at burger king	fear	NEUTRAL

c. Negatif

#Past #success or #failure is no #indicator of #future #performance DON'T be #afraid to take a #risk.	fear	NEGATIVE
When you wake up early to workout and then the fitness room smells awful, so you come back to your room to do core...	fear	NEGATIVE
I'll have the first Question for Followers ready in a few. It's directed at all of you, so please don't be shy and respond when you can! 🤔	fear	NEGATIVE
#Sleep is my #drug. My bed is my dealer. My #alarm is the #cops. #School is the #jail. #TeamFollowBack	fear	NEGATIVE

4. Kegembiraan a. Positif


@TommySandhu @bbcasiannetwork tommy you r phenomenal smashed #ajjdin on the mixes #hilarious and #awesome 🤔🤔🤔🤔	joy	POSITIVE
For many years I have despised olives, my thoughts on them have now changed. #delightful	joy	POSITIVE
Woke up to my neighbors singing Perfect by Ed Sheeran. 🤔 My mood has been set. 🤔	joy	POSITIVE
whats for #breakfast today ? i have 2 slices of #bread out i #toast them #spread them with #butter & #strawberry jem and yum #delicious !	joy	POSITIVE

b. Neutral

@TommySandhu @bbcasiannetwork tommy you r phenomenal smashed #ajjdin on the mixes #hilarious and #awesome 🤔🤔🤔🤔	joy	POSITIVE
For many years I have despised olives, my thoughts on them have now changed. #delightful	joy	POSITIVE
Woke up to my neighbors singing Perfect by Ed Sheeran. 🤔 My mood has been set. 🤔	joy	POSITIVE
whats for #breakfast today ? i have 2 slices of #bread out i #toast them #spread them with #butter & #strawberry jem and yum #delicious !	joy	POSITIVE


c. Negatif

Whether my glass is half empty or its half full. I'm just grateful I even have a glass and that there's something in it.\n #optimism 🤔	joy	NEGATIVE
As you start and end your day, be thankful for every little thing in your life. You will come to realize how blessed you truly are.	joy	NEGATIVE
So excited for tonight, I actually feel a bit sick 🤔	joy	NEGATIVE
i was so confused but then my inner fujoshi was screaming and like i was trying so hard not to smile or laugh	joy	NEGATIVE



RAJAH 2. Eksperimen 1 (Cadangan senibina)

Rajah 3 menunjukkan seni bina Eksperimen 2. Perbezaannya dengan Eksperimen 1 ialah ketiadaan penilaian sentimen dalam bahagian ini. Pada peringkat pertama, kajian ini menggunakan Twint untuk menangkap tweet kemurungan yang berpotensi melalui tanda pagar tertentu. Selepas menyelesaikan penapisan dan pemprosesan data yang asas, data terus dilabelkan sebagai tweet kemurungan. Bagi tweet tanpa kemurungan, ia diklasifikasikan mengikut empat tag yang digunakan SemEval (Kesedihan, Kemarahan, Ketakutan, Kegembiraan). Ayat dengan Kesedihan+Kemarahan+Ketakutan (polariti kurang daripada 0.5) dan ayat dengan Kegembiraan (polariti lebih daripada 0.5) dilabelkan sebagai ‘Bukan-Kemurungan’.



RAJAH 3. Eksperimen 2 (Senibina garis dasar)

Set data yang digunakan adalah daripada gabungan data TWINT dan SemEval-2018. Data yang diekstrak oleh TWINT diberi anotasi sebagai label=1 (Twit Kemurungan) selepas pemprosesan teks berikutnya. Tag berikut digunakan untuk mengikis: ‘#depressed AND sad, #depressed AND lonely, #depressed AND unhappy’. Dalam latihan pembelajaran mesin, adalah mustahil untuk melatih model hanya dengan mengambil kira label=1. Justeru, kajian ini juga memerlukan beberapa teks Twit bukan kemurungan. Oleh itu, data SemEval-2018 digunakan. Selepas pemprosesan selesai, data yang ditapis diberi anotasi sebagai label=0.

HASIL KAJIAN

Selepas melengkapkan penyediaan data, hasil visualisasi dengan WordCloud digunakan seperti dalam Rajah 4. Dalam bahagian penyelidikan ini, keputusan sentimen berbeza diwakili oleh tiga warna: biru adalah sentimen negatif, merah adalah sentimen positif, dan hijau adalah sentimen neutral. Hasil daripada sentimen negatif (biru) boleh digunakan untuk menggambarkan kata kunci tentang kemurungan. Pada masa yang sama, kata kunci ini juga merupakan kriteria yang digunakan oleh pembelajaran mesin untuk menilai sama ada sesuatu ayat itu menggambarkan kemurungan. Semakin tinggi kekerapan kata kunci ini dalam ayat tersebut, semakin tinggi kebarangkalian untuknya dinilai sebagai kemurungan.



RAJAH 4. WordCloud (Negatif, Neutral, Positif)

A. Perbandingan antara Pengelas

